

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan sebab-sebab novel wajar dibaca oleh golongan remaja.
Novel Jendela Menghadap Jalan

1. Novel Jendela Menghadap Jalan wajar dibaca oleh remaja kerana watak utamanya Lili seorang murid tingkatan 5 yang sangat path kepada arahan ibunya. Dia mengikut kata ibunya supaya pulang ke kampung datuk dan neneknya di Dungun pada cut persekolahan, walaupun dia telah berjanji dengan rakan-rakannya untuk meraikan majlis persaraan pengetuanya. Walaupun dia berat hati untuk pulang ke kampung tetapi sebagai seorang anak yang taat, dia mengikut sahaja kata ibunya supaya bercuti di kampung halaman datuknya.

Alasan/ Huraian: Peristiwa ini memberikan pengajaran kepada remaja supaya taat akan kata-kata perintah ibu bapa demi menggembirakan mereka.

2. Novel Jendela Menghadap Jalan wajar dibaca oleh remaja kerana perwatakan Lili yang sangat prihatin dengan nasib malang yang menimpa seseorang. Nasib malang Che Jah yang sering didera dan dipukul oleh suaminya. Seman menimbulkan rasa simpati Lili untuk membantu Che Jah dengan meminta pertolongan kak Hamimah. Kak Hamimah dan Lili meminta Che Jah membuat laporan polis supaya kes penderaan ini dapat diketengahkan untuk diambil tindakan. Akhirnya Seman telah ditangkap dan dipenjarakan atas kesalahan melakukan penderaan.

Alasan/ Huraian: Peristiwa ini perlulah dicontohi oleh remaja supaya sentiasa membantu mereka yang ditimpa masalah.

Novel Songket Berbenang Emas

1. Novel songket berbenang emas wajar dibaca oleh remaja kerana memaparkan watak utamanya laila merupakan seorang murid tingkatan 6 atas yang bertanggungjawab terhadap keluarganya. Dahlia terpaksa berkorban untuk keluarganya apabila dia sanggup keluar dari asrama dan terpaksa ponteng sekolah semata-mata untuk menjaga adiknya anggerik yang masih kecil.

Alasan/ Huraian: Peristiwa ini memberikan pengajaran kepada remaja supaya sentiasa mementingkan keluarga dan menjadi seorang anak yang bertanggungjawab.

2. Novel songket berbenang emas wajar dibaca oleh remaja kerana memaparkan peristiwa Dahlia membantu mereka yang ditimpa masalah dan tidak mementingkan diri sendiri. Sebagai contoh, Dahlia cuba menyelamatkan Said yang lemas di dasar sungai yang berarus deras, walaupun dia sudah lama tidak berenang namun dia tetap terjun ke sungai untuk membantu Said.

Alasan/ Huraian: Peristiwa ini memberikan pengajaran kepada remaja supaya sentiasa membantu mereka yang ditimpa masalah dan jangan mementingkan diri sendiri.

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan peristiwa-peristiwa yang memberikan inspirasi kepada kehidupan anda.

Novel Jendela Menghadap Jalan

1. Peristiwa datuk masuk ke dalam hutan seorang dir untuk mencari akar kayu dan tumbuhan herba untuk dijadikan bat dalam rawatan tradisionalnya. Herba dan akar kayu in akan digunakan untuk merawat pelbagai jenis penyakit seperti tekanan darah tinggi, kencing manis dan gout.

Alasan/ Huraian: Peristiwa in memberikan inspirasi kepada saya untuk mengetengahkan produk berasaskan produk berasaskan herba dan akar kayu dalam perubatan tradisional supaya setanding dengan rawatan moden untuk mengubati pelbagai penyakit.

2. Peristiwa Lili yang panda berbahasa Mandarin semasa dia dan Danel membeli herba yang di sebuah kedai bat Cina di pekan. Selain itu, Lili juga boleh menguasai beberapa bahasa seperti Thailand, Jepun, Latin dan Spanish.

Alasan/ Huraian: Peristiwa ini member inspirasi kepada saya untuk mempelajari lebih daripada satu bahasa supaya saya dapat bergaul dengan lebih ramai rakan daripada bangsa lain.

Novel Songket Berbenang Emas

1. Peristiwa Dahlia yang berjaya dalam pelajaran dan ditawarkan mengikuti

Kursus Pengurusan Perniagaan di Jepun walaupun dia menghadapi pelbagai dugaan dalam hidupnya.

Alasan/ Huraian: Peristiwa ini member inspirasi kepada saya supaya belajar bersungguh-sungguh agar memperoleh pekerjaan yang baik dan dapat membantu ibu bapanya keluar daripada kemiskinan.

2. Peristiwa persahabatan yang baik antara Take Lim dengan keluarga

Embong walaupun berlainan agama. Take Lim sering membantu Embong yang hidup susah kerana Embong yang hidup susah kerana

Embong merupakan sahabat lamanya yang sangat akrab dan mereka sama-sama merantau dari Melaka dan menetap di Kampung Parit Haji Rais.

Alasan/ Huraian: Peristiwa ini member inspirasi kepada saya supaya kita berbaik-baik dengan sema orang tanpa mengira bangsa dan agama.

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan dua peristiwa yang menunjukkan sikap bertanggungjawab dalam kalangan masyarakat.

Novel Jendela Menghadap Jalan

1. Peristiwa seorang pegawai kebajikan masyarakat iaitu Puan Hamimah yang membantu menyelesaikan masalah penderaan yang dihadapi oleh Che Jah. Puan Hamimah menasihati Che Jah agar membuat laporan polis supaya tindakan boleh diambil untuk menangkap Seman yang sering memukul Che Jah dan anak-anaknya.

Alasan/ Huraian: Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seseorang untuk membantu menyelesaikan kes penderaan seorang suami terhadap isteri.

2. Peristiwa Danel menyelamatkan rakannya iaitu Lili yang diculik oleh Rafik dan Haziq dan disembunyikan di sebuah pondok di dalam hutan seorang diri pada waktu malam.

Alasan/ Huraian: Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seorang rakan sanggup merisikokan nyawa sendiri demi menyelamatkan rakan yang diculik.

Novel Songket Berbenang Emas

1. Peristiwa Dahlia seorang murid tingkatan 6 yang menguruskan hal keluarganya setelah ibunya Saleha dimasukkan ke hospital kerana menghadapi masalah kemurungan manakala bapanya Embong dimasukkan ke hospital kerana dipatuk ular.

Alasan/ Huraian: Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seorang anak dalam membantu keluarga untuk menjaga adik-adiknya yang masih kecil.

2. Peristiwa Embong rajin bekerja di kebun getah dan kelapa sawit Haji

Sulaiman semata-mata untuk menyara kehidupan keluarganya.

Alasan/ Huraian: Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seorang bapa yang sanggup bekerja siang dan malam demi menyara keluarganya.

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan peristiwa yang tidak wajar dicontohi.

Novel Jendela Menghadap Jalan

1. Peristiwa keluarga Che Jah berterusan menjadi sasaran hinaan dan kutukan masyarakat kampung kerana anak-anaknya terlibat dalam penyalahgunaan dada dan suka mencuri harta benda orang kampung.

Alasan/ Huraian: Suka suka memandang serong terhadap kekurangan orang lain tidak wajar dicontohi kerana perbuatan ini boleh merenggangkan hubungan dalam masyarakat.

2. Peristiwa penduduk kampung yang berprasangka buruk terhadap Rafiq dan Haziq. Mereka menuduh dua remaja tersebut mencuri kubah surau, sedangkan Seman yang bersalah melakukan perbuatan itu.

Alasan/ Huraian: Sikap suka berprasangka buruk terhadap orang lain tidak wajar dicontohi kerana boleh menimbulkan pergaduhan dalam masyarakat.

Novel Songket Berbenang Emas

1. Peristiwa Nek Kiah yang berprasangka buruk terhadap Dahlia apabila melihat Najib dan Azhari datang ke rumah Dahlia pada waktu yang sama sedangkan pada masa itu ibu bapa Dahlia sedang dirawat di hospital. Nek Kiah menuduh Dahlia sengaja merancang kedatangan kedua-dua lelaki itu ketika ibu bapanya tiada di rumah.

Alasan/ Huraian: Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana sikap berprasangka buruk ini boleh menimbulkan salah faham dalam kalangan masyarakat.

2. Peristiwa Nek Kiah yang mempercayai kepercayaan kart dengan mengarahkan anak muda yang mengangkat Said mengelilingi rumah tujuh kali supaya nyawa Said boleh masuk kembali ke dalam badannya.

Walau bagaimana pun Said tidak dapat diselamatkan.

Alasan/ Huraian: Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana kepercayaan karut boleh memesongkan akidah seseorang.

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan peristiwa-peristiwa yang dapat dijadikan contoh kepada pembaca.

Novel Jendela Menghadap Jalan

1. Peristiwa Lili pulang dengan permintaan ibunya untuk balik ke kampung datuk dan neneknya pada cuti sekolah.

Alasan/ Huraian: Peristiwa ini dapat dicontohi oleh pembaca kerana walaupun

Lili mempunyai rancangan lain dengan rakan-rakannya iaitu meraikan majlis persaraan pengetuanya, namun Lili akur akan dengan permintaan ibunya untuk bercuti di kampung datuknya di Dungun, Terengganu. Sebagai seorang anak yang taat Lili mengikut kata-kata ibunya.

2. Peristiwa Danel menyelamatkan rakannya iaitu Lili yang diculik oleh Rafik dan Hazig dan disembunyikan di sebuah pondok di dalam hutan seorang diri pada waktu malam.

Alasan/ Huraian: Peristiwa ini dapat dicontohi oleh pembacanya kerana Danel sanggup berkorban untuk menyelamatkan rakannya yang diculik. Danel mempunyai semangat setiakawan yang tinggi dan berani menyelamatkan Lili seorang diri.

Novel Songket Berbenang Emas

1. Peristiwa Dahlia menyelamatkan Said yang lemas di dalam sungai yang berarus deras.

Alasan/ Huraian: Peristiwa ini boleh dicontohi oleh pembaca kerana Dahlia sanggup terjun ke sungai yang deras airnya dan berkeladak demi menyelamatkan Said. Namun Said tidak beriya diselamatkan. Dahlia tidak menghiraukan nyawanya sendiri tetapi bertekad untuk membantui Said.

2. Peristiwa penduduk kampung membantu membina semula rumah

Embong yang musnah dibawa arus banjir yang deras.

Alasan/ Huraian: Peristiwa ini boleh dicontohi oleh pembaca kerana kita hendaklah membantu mereka yang berada dalam kesusahan.

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan peristiwa yang menunjukkan kegigihan.

Novel Jendela Menghadap Jalan

1. Peristiwa datuk Lili gigih merawat pesakitnya dengan menggunakan ramuan herba dan akar kayu apabila Daniel hendak memberhentikan rawatan penyakit kencing manis ayahnya, William dengan beliau. Datuk Lili memberitahu Daniel bahawa bengkok kaki ayahnya telah surut dan memerlukan masa untuk sembuh sepenuhnya.

Alasan/ huraian : Peristiwa ini menunjukkan kegigihan merawat pesakitnya dengan menggunakan kaedah rawatan tradisional.

2. Datuk Lili gigih membantu merawat pesakitnya sehingga sembuh. Beliau sanggup masuk ke dalam hutan seorang diri untuk mencari bahan-bahan ubatan herbanya. Malah beliau menyediakan ubatan herbanya sendiri untuk diberikan kepada para pesakitnya seperti Letchumi dan Kak Hamimah.

Alasan/ huraian : Peristiwa ini menunjukkan kegigihan merawat pesakitnya dengan menggunakan kaedah rawatan tradisional.

Novel Songket Berbenang Emas

1) Peristiwa Dalia gigih mengulang kaji pelajaran untuk menghadapi peperiksaan STPM walaupun ketika berada di pusat pemindahan banjir yang tidak selesa. Dalia mentelaah nota-notanya secara bersendirian di belakang ketika yang lain berada di dalam dan di depan balai raya sehingga mendapat pujian daripada Encik Daim.

Alasan/ huraian : Peristiwa ini menunjukkan kegigihan anak muda mengulang kaji pelajaran walaupun berada dalam kesusahan.

2) Peristiwa Dahlia, Kavita, dan Siti Wangi gigih belajar untuk menduduki peperiksaan STPM.

Alasan/ huraian: Peristiwa ini menunjukkan kegigihan pelajar dalam menuntut ilmu.

Peristiwa dalam sesebuah novel dapat menimbulkan kesedaran kepada pembaca. Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan peristiwa yang dapat menimbulkan kesedaran kepada pembaca.

Novel Jendela Menghadap Jalan

**1. Peristiwa Danel sanggup menyelamatkan Lili yang diculik oleh Haziq dan Rafiq dan dikurung di sebuah pondok usang di dalam hutan seorang diri pada waktu malam.
Alasan/ huraian : Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca kerana semangat setia kawan yang tinggi menyebabkan seorang sahabat sanggup mengambil risiko untuk menyelamatkan sahabatnya.**

**2. Peristiwa Lili berusaha membantu Che Jah dengan mendapatkan bantuan Kak Mimah Pegawai Kebajikan Masyarakat membuat laporan mengenai keganasan rumah tangga yang dialami oleh Che Jah kepada pihak berkuasa.
Alasan/ huraian : Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca kerana sikap prihatin dapat membantu menyelesaikan sesuatu masalah yang dialami oleh orang lain.**

Novel Songket Berbenang Emas

**1) Peristiwa Dahlia sanggup terjun ke dalam sungai yang berarus deras untuk menyelamatkan Said yang lemas walaupun dia tidak telah lama tidak berenang.
Alasan/ huraian : Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca kerana memaparkan keberanian seorang gadis yang sanggup berkorban nyawa untuk menyelamatkan Said anak jirannya yang lemas.**

**2) Peristiwa Dahlia dan rakan-rakannya bersungguh-sungguh menjalani latihan bola jaring di sekolahnya.
Alasan/ huraian: Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca kerana kejayaan dalam sesuatu bidang memerlukan usaha yang bersungguh-sungguh.**

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan peristiwa yang memaparkan semangat persahabatan. Jendela Menghadap Jalan

1. Peristiwa Geetha sanggup menanggungkan kepulangannya ke universiti dan sudi memberikan pertolongan kepada Lili dan Danel untuk menyelesaikan masalah keluarga Che Jah yang menjadi mangsa dera Seman.

Alasan / huraian : Peristiwa ini memaparkan semangat persahabatan antara Geetha, Lili dan Danel yang berjanji untuk saling bekerjasama bagi menyelesaikan masalah keluarga Che Jah

2. Peristiwa nenek dan Lili mengunjungi kedai Letchumi di Pekan Sentosa.

Kedatangan mereka dilayan dengan baik dan mesa ole Letchumi kerana dia telah lama berkawan baik dengan nenek.

Huraian / Alasan : Peristiwa ini menonjolkan semangat persahabatan antara

Letchumi dan nenek. Letchumi telah lama mengamalkan pengambilan ubat-ubatan herba buatan datuk dan sekali gus menjadi sahabat baik nenek. Nenek sering menjadi pendengar setia semasa berbual dengan Letchumi.

Songket Berbenang Emas

1. Peristiwa Kavita dan Najib berkunjung ke rumah Dahlia untuk melihat keadaan keluarga Dahlia dan membantu membawa Anggerik yang sakit ke hospital.

Huraian / alasan: Peristiwa ini menonjolkan persahabatan erat antara Kavita, Dahlia dan Najib. Perhatikan keadaan ruman Dahlia yang daif, Najib berasa simpati dan mereka turt membawa Anggerik yang demam ke hospital memandangkan Dahlia tidak mampu berbuat demikian.

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan peristiwa-peristiwa yang boleh menyentuh perasaan pembaca.

Songket Berbenang Emas

1. Peristiwa Dahlia melayani neneknya dengan baik walaupun sering dilemparkan dengan kata-kata yang mengecewakan.

Huraian: Peristiwa ini menyentuh perasaan kerana sikap seorang cucu yang tetap menghormati dan melayani neneknya dengan baik serta tidak pernah menyimpan dendam kepada neneknya.

2. Peristiwa Dahlia dituduh ole Aton menyebabkan kematian Said.

Huraian: Peristiwa ini menyentuh perasaan kerana Dahlia bersabar dengan sikap Aton yang membuat tuduhan melulu.

Jendela Menghadap Jalan

1. Peristiwa Lili diselamatkan ole Danel daripada penculikan.

Huraian: Peristiwa ini menyentuh perasaan kerana seorang rakan yang sanggup menghadapi risiko seorang diri demi menyelamatkan rakan baik.

2. Peristiwa ibu Lili berbual mesa dengan datuk di kampung.

Huraian: Peristiwa ini menyentuh perasaan kerana kasih kembali bertaut antara anak dan ayah kerana anak jarang pulang ke kampung.

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan peristiwa-peristiwa yang dapat menimbulkan perasaan simpati atau belas kasihan para pembaca.

Jendela Menghadap Jalan

1. Peristiwa Che Jah dan anak-anak didera oleh suaminya, Seman setiap kali mabuk dan kalah judi.

Alasan / huraian : Peristiwa ini menimbulkan perasaan simpati pembaca kerana berasa kasihan kepada Che Jah yang sepatutnya dilindungi dan diberi kasih sayang yang secukupnya tetapi Seman suami Che Jah sering memukul mereka.

2. Peristiwa Haziq dan Rafiq dibelasah oleh orang kampung hingga mengalami kecederaan teruk kerana dituduh mencuri kubah masjid.

Alasan / huraian : Peristiwa ini menimbulkan perasaan simpati pembaca kerana mereka dibelasah sehingga berdarah dan lebam-lebam oleh penduduk kampung tanpa usul periksa sedangkan mereka tidak melakukan perbuatan tersebut.

Songket Berbenang Emas

1. Peristiwa Dahlia melihat adiknya, Anggerik menangis berguling-guling kerana kelaparan. Anggerik enggan minum susu cair yang dibancuh oleh Melati kerana bekalan susu kehabisan.

Alasan / huraian : Peristiwa ini boleh menimbulkan perasaan simpati pembaca terhadap Anggerik yang menangis kelaparan. Kemiskinan keluarga menyebabkan mereka tidak mampu membeli susu yang menjadi keperluan kepada kanak-kanak. Dahlia terpaksa menyuruh Melati membeli susu secara hutang di kedai Tauke Lim.

2. Peristiwa Dahlia terjun ke dalam sungai yang berarus deras sebaik sahaja dia mendengar jeritan bahawa terdapat orang lemas semasa mandi sungai di hadapan rumahnya. Namun demikian, Aton menyalahkan Dahlia kerana gagal menyelamatkan Said.

Alasan / huraian : Peristiwa ini menimbulkan perasaan simpati pembaca kepada Dahlia kerana kegagalannya menyelamatkan Said disalah anggap oleh Aton yang menuduh Dahlia menjadi penyebab kematian anaknya sedangkan Dahlia bersungguh-sungguh menyelamatkan Said sehingga keletihan.

Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan peristiwa yang menunjukkan kegigihan.

Novel Jendela Menghadap Jalan

1) Peristiwa datuk Lili gigih merawat pesakitnya dengan menggunakan ramuan herba dan akar kayu apabila Daniel hendak memberhentikan rawatan penyakit kencing manis ayahnya, William dengan beliau. Datuk Lili memberitahu Daniel bahawa bengkok kaki ayahnya telah surut dan memerlukan masa untuk sembuh sepenuhnya.

Alasan/ huraian : Peristiwa ini menunjukkan kegigihan merawat pesakitnya dengan menggunakan kaedah rawatan tradisional.

2) Datuk Lili gigih membantu merawat pesakitnya sehingga sembuh. Beliau sanggup masuk ke dalam hutan seorang diri untuk mencari bahan-bahan ubatan herbanya. Malah beliau menyediakan ubatan herbanya sendiri untuk diberikan kepada para pesakitnya seperti Letchumi dan Kak Hamimah.

Alasan/ huraian : Peristiwa ini menunjukkan kegigihan merawat pesakitnya dengan menggunakan kaedah rawatan tradisional.

Songket Berbenang Emas

2) Peristiwa Dahlia, Kavita, dan Siti Wangi gigih belajar untuk menduduki peperiksaan STPM.

Alasan/ huraian: Peristiwa ini menunjukkan kegigihan pelajar dalam menuntut ilmu

3) Peristiwa Embong gigih bekerja demi menyara keluarganya dengan melakukan beberapa kerja dalam satu-satu masa seperti menoreh getah, mengambil upah memotong buah kelapa sawit dan menternak kambing demi mencari rezeki untuk menyara keluarganya.

Alasan/ huraian : Peristiwa ini menunjukkan kegigihan seorang ayah mencari rezeki untuk menyara keluarga.

Terdapat pelbagai peristiwa menarik yang dipaparkan dalam sesebuah novel.

Berdasarkan dua buah novel yang anda kaji, huraikan peristiwa paling menarik yang terdapat dalam setiap novel tersebut. Jelaskan sebab anda berpendapat demikian.

Novel Jendela Menghadap Jalan

1) Peristiwa Danel menyelamatkan Lili yang diculik oleh Haziq dan Rafiq lalu dikurung di sebuah pondok buruk. Peristiwa ini dikatakan menarik kerana pengorbanan seorang sahabat untuk menyelamatkan sahabatnya yang berada dalam kesusahan.

2) Peristiwa Lili tidak mengajak Danel naik ke atas rumah ketika ketiadaan datuk dan nenek. Peristiwa ini menarik kerana seorang remaja menjaga kehormatan diri dan maruah keluarganya.

Songket Berbenang Emas

1) Peristiwa Tauke Lim membantu keluarga Embong yang menghadapi masalah kewangan dengan memberi hutang ketika keluarga Embong kesulitan hidup. Peristiwa ini menarik kerana keprihatinan masyarakat untuk membantu orang yang dalam kesusahan tanpa mengira warna kulit

2) Peristiwa Melati mengayuh basikal ke sekolah agama lantaran kelewatan kerana menjaga adiknya Anggerik. Peristiwa ini menarik kerana kegigihan seorang remaja dalam menuntut ilmu agama demi kepentingan masa hadapannya di samping tanggungjawabnya terhadap keluarga

Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan dua peristiwa yang menunjukkan situasi berani.

Novel Jendela Menghadap Jalan

1) Datuk berani masuk ke dalam hutan mencari herba untuk rawatan rawatan tradisional seorang diri.

Sebab/ alasan: sikap berani untuk memperoleh apa-apa sahaja yang mendatangkan kebaikan kepada kesihatan.

2) Danel berani pergi ke pondok usang seorang diri pada waktu malam untuk menyelamatkan Lili yang diculik oleh Haziq dan Rafiq.

Sebab/ alasan: sikap keberanian demi menyelamatkan sahabatnya yang berada dalam bahaya.

3) Peristiwa Che Jah berani membuat pengakuan bahawa suaminya Seman yang melarikan kubah surau.

Sebab/ alasan: sikap berani membuat pengakuan sebagai saksi ke atas kesalahan yang dilakukan oleh orang lain iaitu suaminya sendiri.

SONGKET BERBENANG EMAS

1) Dahlia berani terjun ke sungai berarus deras semata-mata ingin menyelamatkan Said yang lemas

Sebab/ alasan: keberanian seorang perempuan sanggup mempertaruhkan nyawanya untuk menyelamatkan orang lain

2) Bakar berani mempertahankan maruah kakaknya Dalia apabila Aton memfitnah kakaknya sebagai perempuan yang tidak bermaruah semasa mereka membuat persiapan sambutan Maulidurasul di balai raya

Sebab/ alasan: sikap berani mempertahankan maruah keluarga

3) Abu Bakar berani mengakui kesilapannya mencuri dan menjual kambing ayahnya

Sebab/ alasan: sikap berani mengakui kesalahan

Pengakhiran sebuah novel yang telah menarik minat anda kerana terdapat keistimewaannya yang tersendiri. Jelaskan keistimewaan tersebut.

Novel Jendela Menghadap Jalan

1) Lili dan Geetha dapat menyaksikan matahari terbit pada awal pagi di Kampung Sentosa. Keistimewaan bahagian ini ialah menunjukkan kesungguhan dalam melakukan sesuatu perkara akan membuahkan kejayaan.

Dalam hal ini keinginan Lili dan Geetha untuk melihat keindahan dan keunikan suasana matahari terbit di kampung tersebut akhirnya tercapai walaupun mereka terpaksa mendaki bukit.

2) Datuk Lilli, Haji Abdul Rahman menceritakan maksud yang tersembunyi tentang jendela menghadap jalan yang terlalu banyak kisah-kisah silam, sejak zaman penjajahan hinggalah ke zaman komunis. Bahagian ini istimewa kerana kita sebagai pembaca mendapat info tentang rahsia seni bina rumah masyarakat Melayu pada zaman dahulu selain keunikannya, juga bertujuan menjaga keselamatan iaitu mengintai pergerakan Bintang Tiga. Akhirnya kemusykilan yang bermain di fikiran Lili tentang jendela menghadap jalan sejak mula sampai di kampung datuknya terungkai.

Novel Songket Berbenang Emas

1) Ibu Dahlia kembali puli daripada penyakit kemurungan dan kehidupan keluarga Dahlia kembali ceria. Bahagian pengakhiran in menarik kerana kesudahannya menggembirakan semua pihak.

Keistimewaannya ialah dari awal perkembangan novel, kehidupan Dahlia sekeluarga digambarkan dalam keadaan kesedihan ekoran ibunya Saleha yang tidak sihat sehingga perlu dirawat di Hospital Permai Johor Bharu. Akhirnya ibu Dahlia puli dan dapat menguruskan keluarga.

2) Dahlia amat gembira kerana hubungan keluarganya dengan Nek Kiah semakin rapat. Akan tetapi, Dahlia rasa sedikit berduka kerana dia akan ke Kuala Lumpur selepas pertunangannya. Nek Kiah telah menghadihkan gelang pusaka kepada Dahlia.

Bahagian pengakhiran ini menarik kerana ada keistimewaannya iaitu memaparkan keinsafan seseorang. Akhirnya timbul keinsafan dalam diri Nek Kiah tentang kesalahan yang pernah dilakukan terhadap darah dagingnya sendiri iaitu keluarga Embong.